

# PM nasihat jangan terpedaya skim piramid

UM 25 MAR 2001

KOTA KINABALU 24 Mac  
— Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memberi amaran kepada golongan bumiputera yang ingin menjadi cepat kaya supaya tidak mudah tertipu dengan skim piramid yang kembali menular sekarang.

Perdana Menteri berkata, skim cepat kaya sedemikian bukan bertujuan untuk membantu, sebaliknya penuh dengan penipuan.

“Ingin menjadi kaya cepat menyebabkan kita tertipu dan melabur dalam skim piramid yang tidak mempunyai asas perniagaan tetapi bergantung kepada penipuan,” tegasnya.

Dr. Mahathir menyatakan demikian ketika berucap merasmikan Kongres Ekonomi Bumiputera Sabah 2001 (KEBS 2001) yang bertemakan *Ekonomi Bumiputera Selepas 2000 Cabaran dan Hala Tuju* di sini, hari ini.

Menurutnya, menyertai skim cepat kaya penuh dengan penipuan dan ia bukan satu cara untuk mencari sumber perniagaan.

“Sedangkan perniagaan bermakna menambah nilai kepada apa yang ada kepada kita supaya boleh diteruskan sebagai satu kerja kerjaya seumur hidup,” ujarinya.

Dr. Mahathir khuatir ahli perniagaan bumiputera tidak akan dapat mencapai matlamatnya jika mereka ingin menjadi cepat kaya dengan membabitkan diri di dalam skim piramid.

“Pepatah Melayu biar lambat asal selamat masih boleh digunakan pada alaf baru ini menerusi tafsiran bersabar, berjimat cermat, menabung dan tidak gopoh menceburi perniagaan yang boleh merugikan.

“Kita harus ingat jika kekayaan datang terlalu mudah, ia juga akan pergi dengan mudah,” katanya.